

**Soalan 1**

- (a) Yang berikut ialah maklumat kewangan bagi Syarikat Mercu Tanda Berhad.

**Syarikat Mercu Tanda Berhad**  
**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember**

	2002 RM'000	2001 RM'000
Jualan	650,000	520,000
Kos barang dijual	415,000	354,000
Belanja jualan dan pentadbiran	150,800	114,800
Belanja faedah	7,200	6,000
Jumlah belanja	573,000	474,800
Cukai pendapatan	18,000	14,000
Untung bersih	<u>59,000</u>	<u>14,000</u>

**Syarikat Mercu Tanda Berhad**  
**Kunci Kira-kira pada 31 Disember**

	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Aset tetap:</b>		
Loji dan peralatan (bersih)	403,000	383,000
<b>Aset semasa :</b>		
Tunai	41,000	18,000
Sekuriti boleh pasar	18,000	15,000
Akaun berlum terima (bersih)	92,000	74,000
Inventori	84,000	70,000
	<u>235,000</u>	<u>177,000</u>
<b>Liabiliti semasa:</b>		
Akaun belum bayar	112,000	110,000
Cukai belum bayar	23,000	20,000
	<u>135,000</u>	<u>130,000</u>
<b>Aset semasa bersih</b>	<u>100,000</u>	<u>47,000</u>
	<u>503,000</u>	<u>430,000</u>
<b>Dibiayai oleh:</b>		
Saham biasa	150,000	150,000
Pendapatan tertahan	223,000	200,000
Bon belum bayar	130,000	80,000
	<u>503,000</u>	<u>430,000</u>

Maklumat tambahan:

- (1) Semua jualan adalah secara kredit.
- (2) Inventori pada 31 Disember 2000 ialah RM60,000
- (3) Jumlah aset pada 31 Disember 2000 ialah RM480,000

**Dikehendaki:**

Hitung yang berikut bagi Syarikat Mercu Tanda Berhad untuk tahun 2002 dan tahun 2001. Berikan ulasan bagi setiap perubahan nisbah yang dihitung.

- (i) Nisbah semasa
- (ii) Nisbah hutang atas jumlah aset
- (iii) Pusing ganti inventori
- (iv) Nisbah jualan atas jumlah aset tetap
- (v) Margin untung bersih atas jualan
- (vi) Kadar pulangan atas jumlah aset

[12]

- (b) Yang berikut ialah urus niaga yang dilakukan oleh beberapa buah syarikat. Urus niaga ini tidak berkaitan antara satu dengan yang lain.
- (i) Abdullah Sani, pemilik Klinik Hidup Sihat, telah membayar cukai pendapatannya dengan menggunakan wang klinik.
  - (ii) Syarikat Jiwa Besar Sendirian Berhad telah menggunakan kaedah penghapusan terus terhadap hutang yang tidak dapat dikutip.
  - (iii) Syarikat Bayu Laut Berhad telah mengasingkan maklumat kewangannya kepada beberapa tempoh masa bagi tujuan pengukuran prestasi dan penentuan kedudukan kewangannya.
  - (iv) Syarikat Gagah Perkasa Berhad merekodkan inventornya pada nilai pasaran semasa, iaitu RM110,000. Kos asal inventori tersebut ialah RM135,000.
  - (v) Syarikat Hitam Manis Sendirian Berhad merekodkan inventornya pada nilai pasaran semasa, iaitu RM250,000. Kos asal inventori tersebut ialah RM235,000.
  - (vi) Syarikat Putih Bersih Berhad menyusutnilaikan sebuah kalkulator yang kosnya RM50 untuk tempoh 5 tahun.
  - (vii) Belanja susut nilai bagi Syarikat Putratech Sendirian Berhad untuk tahun semasa ialah RM300,000. Oleh sebab pendapatan bersih syarikat pada tahun tersebut adalah rendah, pihak pengurusan syarikat mencadangkan supaya belanja susut nilai tersebut ditunda sehingga pendapatan bersih meningkat.
  - (viii) Syarikat Merah Jambu Sendirian Berhad telah membeli sebuah komputer peribadi pada kos RM1,800. Komputer dijangka mempunyai usia guna selama 5 tahun dan tidak mempunyai nilai sisa. Pihak pengurusan syarikat telah merekodkan keseluruhan kos pembelian komputer berkenaan sebagai susut nilai tahun semasa.

**Dikehendaki:**

Nyatakan prinsip, andaian, atau konvensyen perakaunan yang dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap urus niaga tersebut. Berikan ulasan bagi setiap jawapan anda.

[8]

- (c) Yang berikut ialah bentuk pelarasan yang perlu dibuat pada akhir tempoh perakaunan.
- (i) Belanja belum bayar
  - (ii) Belanja bayar dahulu
  - (iii) Hasil diterima dahulu
  - (iv) Hasil belum terima
  - (v) Belanja susut nilai

**Dikehendaki:**

Perihalkan setiap pelarasan yang tersebut di atas dengan memberikat satu contoh berserta catatan jurnal.

[5]

**Soalan 2**

Sebahagian daripada maklumat kunci kira-kira Syarikat Kenang Berhad pada 1 Januari 2002 ditunjukkan seperti yang berikut.

	RM
Aset:	
Tunai	3,800,000
Ekuiti:	
Modal diterbitkan:	
500,000 syer keutamaan boleh tebus, nilai par RM5	2,500,000
400,000 syer biasa, nilai par RM5	2,000,000
Premium syer	4,000,000
Untung rugi tertahan	5,700,000

Bagi tahun 2002, Lembaga Pengarah syarikat telah bersetuju tentang beberapa perkara yang melibatkan pelaburan dan modal syarikat seperti yang berikut.

- (1) Lembaga Pengarah telah membuat keputusan untuk menebus semula syer keutamaan boleh tebus. Untuk membiayai penebusan syer keutamaan tersebut, syarikat telah menerbitkan 200,000 unit syer biasa pada 1 Februari 2002 pada harga RM10 setiap syer. Pada 1 Mac 2002, penebusan syer keutamaan boleh tebus itu telah dilaksanakan dengan premium 15%.
- (2) Pada 1 April 2002, syarikat telah menerbitkan 100,000 unit debentur 8% yang berharga RM20 setiap unit pada harga premium 2% yang dibayar penuh. Debentur ini akan matang dalam tempoh 5 tahun.
- (3) Pada 1 Jun 2002, syarikat membuat pelaburan dengan membeli syer biasa dalam Syarikat Muda Sendirian Berhad dan berjaya memperoleh 60% kepentingan. Kos yang terlibat ialah RM4,200,000 dan dibayar secara tunai.
- (4) Bagi tahun 2002, syarikat memperoleh keuntungan sebanyak RM1,300,000. Lembaga Pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen syer kepada setiap pemegang syer biasa pada 1 Disember 2002. Bagi setiap unit syer yang dimiliki, pemegang syer layak mendapat 1 unit syer tambahan (1:1). Premium syer syarikat akan digunakan untuk melaksanakan dividen syer ini.

**Dikehendaki:**

- (a) Rekodkan semua urus niaga di atas dalam jurnal. [13]
- (b) Sediakan kunci kira-kira Syarikat Kenang Berhad pada 31 Disember 2002 berdasarkan urus niaga di atas. [5]
- (c) Nyatakan perbezaan antara debentur dengan syer keutamaan. [4]
- (d) Nyatakan fungsi premium syer. [3]

**Soalan 3**

- (a) Terdapat dua pendekatan yang boleh digunakan oleh akauntan dalam menganggar hutang rugu mengikut kaedah peruntukan, iaitu pendekatan penyata pendapatan dan pendekatan kunci kira-kira. Setiap pendekatan menggunakan asas yang berbeza.

**Dikehendaki:**

- (i) Perihalkan asas yang digunakan bagi setiap pendekatan tersebut.
- (ii) Jelaskan kesan penggunaan pendekatan tersebut terhadap belanja hutang lapuk dalam sesuatu tempoh perakaunan.

[6]

- (b) Syarikat Mentari Jingga Berhad menggunakan sistem inventori berkala dalam mengakaunkan inventoriinya. Maklumat tentang inventori syarikat untuk bulan Oktober 2002 adalah seperti yang berikut.

		Unit		RM		RM
Oktober	1	Baki awal	400	@	10.00	= 4,000
	8	Belian	800	@	10.40	= 8,320
	16	Belian	600	@	10.80	= 6,480
	24	Belian	200	@	11.60	= 2,320
			<u>2,000</u>			<u>21,120</u>

Baki akhir inventori pada 31 Oktober 2002 ialah 700 unit.

**Dikehendaki:**

Hitung amaun inventori pada 31 Oktober 2002 dan kos barang dijual untuk bulan Oktober 2002 sekiranya andaian aliran kos yang berikut digunakan.

- (i) Masuk dulu keluar dulu
- (ii) Masuk kemudian keluar dulu
- (iii) Purata wajaran

[8]

- (c) Pada 1 Januari 2000, Syarikat Terusan Minda Berhad telah memutuskan untuk membeli sebuah mesin tenun berkawalan komputer pada kos RM250,000 secara tunai untuk kilang tenunnya. Di samping harga pembelian itu, syarikat terpaksa membayar kos yang berkaitan dengannya, iaitu cukai jualan RM15,000, kos penghantaran RM3,500, insurans penghantaran RM800, kos pemasangan dan ujian larian RM700, dan kos minyak pelincir untuk tahun pertama operasi RM1,000. Syarikat menjangka bahawa mesin tersebut mempunyai usia guna selama 5 tahun dengan nilai sisa RM20,000 pada akhir usia gunanya. Syarikat menggunakan kaedah garis lurus dalam menyusutnilaikan aset tetapnya.

Pada 1 Januari 2002, Syarikat Terusan Minda Berhad mengambil keputusan untuk menukar beli mesin lamanya itu dengan mesin baru yang sama fungsinya. Nilai pasaran mesin lama itu ialah RM130,000 dan syarikat terpaksa membayar tunai RM100,000 untuk memperoleh mesin baru yang berharga RM230,000. Mesin baru ini dijangka mempunyai usia guna selama 3 tahun dengan nilai sisa RM20,000 pada akhir usia gunanya. Tahun perakaunan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Dikehendaki:**

- (i) Hitung kos mesin tenun tersebut dan sediakan catatan jurnal pada 1 Januari 2000.
- (ii) Hitung belanja susut nilai mesin tenun tersebut dan sediakan catatan jurnal pada 31 Disember 2000.
- (iii) Hitung nilai buku mesin tenun tersebut pada 1 Januari 2002 dan laba atau rugi daripada tukar beli yang berlaku. Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan tukar beli ini. [11]

**Soalan 4**

Puan Juliana mengusahakan perniagaan menjual perabot kayu jati semenjak tahun 2000. Beliau telah melantik seorang kerani akaun untuk mengurus rekod kewangan perniagaannya. Kerani tersebut kurang mahir dalam perakaunan dan kebanyakannya rekod yang disimpan tidak lengkap. Maklumat yang berikut diperoleh daripada kunci kira-kira perniagaan pada 31 Disember 2001.

**Perniagaan Perabot Juliana**  
**Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2001**

	RM		RM
Bank	19,820	Pembiutang	32,070
Penghutang	40,500	Belanja gaji terakru	940
Inventori	27,940	Modal	94,400
Kenderaan (nilai buku)	25,800		
Peralatan (nilai buku)	12,600		
Sewa bayar dahulu	750		
	127,410		127,410

Maklumat dalam buku tunai perniagaan menunjukkan penerimaan dan pembayaran sepanjang tahun 2002 seperti yang berikut.

	RM
Penerimaan tunai :	
Penghutang	360,700
Jualan	105,600
Pembayaran tunai :	
Pembiutang	180,000
Belanja utiliti	8,800
Belanja gaji	46,000
Belian kenderaan	36,000
Belanja sewa	9,750
Ambilan	65,000
Angkutan keluar	10,300

Maklumat lain yang diperoleh adalah seperti yang berikut.

- (1) Sepanjang tahun 2002, perniagaan telah memulangkan barang yang rosak yang bernilai RM2,190. Barang yang telah dipulangkan oleh pelanggan pula bernilai RM3,870. Diskaun yang diberikan dan diskau yang diterima masing-masing ialah RM8,300 dan RM5,340.
- (2) Baki beberapa akaun pada 31 Disember 2002 adalah seperti yang berikut.

	RM
Penghutang	35,200
Peralatan	12,600
Inventori	46,200
Pembiutang	21,800
Belanja gaji terakru	500
Belanja utiliti terakru	350

- (3) Perniagaan telah membuat pembayaran sewa untuk bulan Januari dan Februari 2003 sebanyak RM1,500.
- (4) Perniagaan menggunakan kaedah baki berkurangan pada kadar 20% bagi kenderaan dan 15% bagi peralatan untuk menentukan susut nilai.

**Dikehendaki:**

- (a) Sediakan, bagi Perniagaan Perabot Juliana,
  - (i) akaun perdagangan dan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.
  - (ii) kunci kira-kira pada 31 Disember 2002.[23]
- (b) Nyatakan **dua** kaedah untuk menentukan hasil dalam sistem rekod tak lengkap. [2]

**Soalan 5**

- (a) Rekod penerimaan dan pembayaran Kelab Jejak Kembara bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 ditunjukkan seperti yang berikut.

	<b>RM</b>
<b>Penerimaan :</b>	
Baki pada 1 Januari 2002	3,500
Derma	4,500
Jualan minuman	11,300
Majlis keraian	2,300
Yuran ahli	6,120
Yuran masuk	1,200
<b>Pembayaran :</b>	
Belanja am	330
Belian minuman	8,400
Gaji	6,800
Belanja utiliti	1,200
Majalah	240
Majlis keraian	1,800
Percetakan	540
Pos dan setem	110
Upah pekerja menjual minuman	500

Maklumat tambahan:

- (1) Baki tunai pada 31 Disember ialah RM9,000.
- (2) Alat kelengkapan kelab disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (3) Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2002 adalah seperti yang berikut.

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Premis kelab		35,000
Alat kelengkapan pada kos	6,000	
Peruntukan susut nilai	<u>(1,800)</u>	4,200
Stok minuman		950
Penghutang minuman		1,320
Pemiutang minuman		780
Yuran belum terima		190
Yuran terima dahulu		50
Belanja utiliti belum bayar		130

- (4) Aset dan liabiliti pada 31 Disember 2002 adalah seperti yang berikut.

	<b>RM</b>
Stok minuman	1,160
Penghutang minuman	1,280
Pemiutang minuman	910
Yuran belum terima	250
Yuran terima dahulu	70
Belanja utiliti belum bayar	150

**Dikehendaki:**

- Sediakan, bagi Kelab Jejak Kembara,
- (i) akaun yuran ahli biasa,
  - (ii) akaun perniagaan jualan minuman,
  - (iii) akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002,
  - (iv) kunci kira-kira pada 31 Disember 2002. [21]
- (b) (i) Jelaskan perbezaan antara ekuiti dalam kunci kira-kira kelab dengan ekuiti dalam kunci kira-kira entiti perniagaan.
- (ii) Jelaskan perbezaan antara hak ahli kelab dengan hak ahli koperasi terhadap caruman. [4]

**Soalan 6**

- (a) Baki yang terdapat dalam buku Koperasi Perusahaan Penduduk Simpang Empat Berhad pada 31 Disember 2002 ditunjukkan seperti yang berikut.

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Air dan elektrik	690	
Alat tulis	460	
Bangunan koperasi	40,990	
Bank	12,280	
Belanja am	140	
Belanja mesyuarat	130	
Cukai tanah	240	
Derma		1,860
Elaun pekerja	360	
Faedah pertaruhan ahli	100	
Faedah simpanan tetap		300
Insurans	550	
Modal saham		24,000
Pemutang		4,920
Penghutang	7,250	
Peralatan	7,000	
Peruntukan susut nilai peralatan		2,100
Pos dan setem	370	
Rizab berkanun		6,290
Rizab pendidikan		780
Simpanan tetap	6,000	
Untung kasar		32,490
Untung terkumpul pada 1 Januari 2002		5,620
Wang pertaruhan ahli		2,500
Yuran masuk		300
Stok pada 31 Disember 2002	4,600	81,160
		81,160

Maklumat tambahan:

- (1) Peralatan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (2) Belanja am terakru ialah RM30.
- (3) Insurans bayar dahulu ialah RM120.
- (4) Jualan dalam tahun 2002 berjumlah RM64,175.
- (5) Sebahagian daripada untung koperasi diperuntukkan seperti yang berikut.
  - (i) Sebanyak 13% dipindahkan kepada rizab berkanun.
  - (ii) Sebanyak 2% dipindahkan kepada rizab pendidikan.
  - (iii) Sebanyak 1% disumbangkan kepada ANGKASA.
- (6) Dividen sebanyak 10% dicadangkan.
- (7) Rebat sebanyak 8% dicadangkan.
- (8) Elaun sebanyak RM390 dicadangkan untuk Lembaga Pengarah.

**Dikehendaki:**

Sediakan, bagi Koperasi Perusahaan Penduduk Simpang Empat Berhad,

- (i) akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2002,
- (ii) akaun pengasingan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2002,
- (iii) kunci kira-kira pada 31 Disember 2002. [12]

- (b) Nyatakan perbezaan antara modal saham dengan modal caruman . [4]
- (c) Jelaskan peraturan-peraturan khusus yang berkaitan dengan perakaunan untuk koperasi. [9]